



# Jangan sambung pajakan lombong, pulihkan Tasik Chini - Tengku Hassanal

Oleh **Mohd Iskandar Ibrahim** - Ogos 1, 2022 @ 2:10pm

[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)



Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

KUALA LUMPUR: Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menitahkan supaya pajakan lombong di Tasik Chini yang tamat tempoh tidak disambung dan kawasan berkenaan dihijaukan dalam masa terdekat.

Baginda bertitah, kerajaan Pahang perlu bertindak lebih agresif untuk memastikan Tasik Chini dapat dipulihkan dan dihijaukan semula.

"Saya mahu kegemilangan Tasik Chini ini dikembalikan semula dengan peranan asalnya yang memanfaatkan penduduk sekitar, malah fungsi semula jadinya sebagai biosfera akan kekal lestari.

"Justeru, saya bertitah, pajakan lombong yang telah tamat tempoh hendaklah ditamatkan dan kawasan tersebut perlu dihijaukan semula dalam masa yang terdekat.

"Saya juga menyokong langkah moratorium yang diambil oleh kerajaan saya di kawasan terbabit. Saya menzahirkan terima kasih kepada kerajaan saya yang bertungkus-lumus memulihkan Tasik Chini," titah baginda menerusi teks ucapan yang diedarkan kepada media.

Titah itu dizahirkan baginda pada Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran dan Pingat Pahang sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-63 Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang, hari ini.

Tengku Hassanah bertitah, usaha memulihkan Tasik Chini perlu dimainkan oleh semua pihak, bukan sahaja kerajaan malah pelombong dan pelesen sedia ada yang perlu memberikan komitmen serta turut sama dalam menjayakan usaha berkenaan.

Dalam pada itu, baginda turut menekankan isu pemeliharaan alam sekitar, flora dan fauna yang tidak boleh dipandang ringan khususnya memulihara Harimau Malaya yang diancam kepupusan.

Baginda menegaskan, sudah wujud pelbagai akta dan enakmen yang spesifik mengenai perlindungan alam sekitar di Malaysia khususnya di Pahang, namun tanpa penguatkuasaan tegas, segala usaha akan gagal, sia-sia dan tidak berkesan.

"Saya bertitah agar agensi dan badan penguatkuasaan perlu memainkan peranan masing-masing secara serius. Rondaan dan pemantauan perlu dijalankan dengan lebih kerap dan teliti.

"Saya tidak mahu lagi melihat kejadian seperti memasuki hutan tanpa kebenaran, pencurian hasil hutan seperti pokok dan balak, aktiviti pemburuan haram atau menangkap ikan terlarang dengan bom, racun atau renjatan elektrik.

"Tiada istilah terlepas pandang terhadap penjenayah alam sekitar selepas ini. Semua pihak tanpa mengira darjat dan kedudukan perlu akur serta patuh kepada undang-undang, sama ada ahli kerabat, ahli Yang Berhormat, ahli politik, ketua jabatan, penjawat awam mahupun rakyat," titahnya.

BH melaporkan Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mendapati Tasik Chini tidak lagi memenuhi kriteria ditetapkan.

Hasil tinjauan berkala pertama oleh badan dunia itu baru-baru ini yang mendapati Tasik Chini tidak lagi memenuhi kriteria untuk menjadi sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR) UNESCO dan berisiko dilucutkan status sebagai rizab biosfera.

UNESCO bagaimanapun memberi tempoh kepada Malaysia sehingga 30 September ini untuk memaklumkan badan dunia itu mengenai perancangan merawat dan memulihkan Tasik Chini serta tanah lembap di sekelilingnya supaya kembali sihat.

Dalam pada itu Tengku Hassanal juga bertitah, baginda akan turun padang secara mengejut untuk meninjau sendiri, ambil peduli dan membantu rakyat sedaya mungkin.

Baginda tidak ingin sama sekali melihat dan disembah maklum terdapat jalan berlubang yang baharu dibaiki, atap bocor yang baharu ditampal, kesan lumpur pada dinding baharu hendak dicuci dan dicat mahupun bantuan fakir miskin yang baharu nak disampaikan sehari sebelum ketibaannya.

"Ingatlah, segala jenis bantuan harus sampai segera kepada rakyat saya tanpa birokrasi yang rumit. Saya berharap semua Yang Berhormat, pegawai daerah, tok penghulu, tok empat, tok batin serta jawatankuasa masjid bersiap sedia," titah Tengku Hassanal.

Pada titah itu, Tengku Hassanal menzahirkan bahawa Sultan Pahang berkenan mengurniakan gelaran Tengku Panglima Perang kepada adinda baginda, Tengku Ahmad Ismail Mu'adzam Shah Al-Sultan Abdullah berkuat kuasa hari ini.